

TINDAKAN TERUS DIAMBIL TUTUP AGENSIS^(P) TAK UNTUNG - PM

UM, 19 MAY 1984

KUALA LUMPUR 18 Mei - Kerajaan akan terus menutup agensi - agensi yang didapati tidak membawa sebarang keuntungan dan gagal menjalankan fungsi - fungsi yang telah ditetapkan, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan ini hari ini. Perdana Menteri bagaimanapun, tidak memberitahu agensi - agensi kerajaan mana yang akan ditutup kecuali menjelaskan bahawa bilangannya adalah banyak. "Begitu juga kerajaan tidak akan menubuhkan sebuah agensi baru atau jawatankuasa khas untuk melaksanakan sesuatu dasar seperti pekan - pekan kecil," kata beliau kepada para pemberita selepas merasmikan Persidangan Pemimpin - Pemimpin Ulung Perniagaan di sini pagi ini. Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, dasar mewujudkan pekan -

Oleh Mus Chairil

pekan kecil di luar bandar di bawah rancangan pembangunan desa hanya memerlukan agensi - agensi seperti FELDA, FELCRA, MARA dan sebagainya menjadikannya sebagai satu garis panduan. Katanya, mewujudkan sebuah agensi khas atau jawatankuasa khas untuk melaksanakan atau mengkaji sesuatu projek itu kadang - kadang tidak menguntungkan. Sebagai contoh, kata beliau, sebuah jawatankuasa ditubuhkan untuk mengkaji sebuah projek akan mengumpulkan berbagai maklumat dan perangkaan yang banyak sehingga menjadi sebuah buku lebih 1,000 halaman. "Selepas itu laporan setebal itu diringkaskan menjadi hanya beberapa halaman yang bermakna masa dan tenaga yang digunakan untuk

mengumpulkan segala maklumat dan perangkaan itu rugi," kata beliau. Oleh itu, tambah Perdana Menteri, kadang - kadang adalah lebih baik agensi - agensi kerajaan melaksanakan daripada menyiapkan laporan tebal yang seringkali tidak terbaca oleh pegawai - pegawai yang dipertanggungjawabkan bagi menjalankannya. Terdahulu daripada itu, dalam satu majlis dialog di antara Perdana Menteri dengan peserta - peserta persidangan itu, Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan dasar Persyarikatan Malaysia telah berjaya mengubah sikap di kalangan kakitangan kerajaan. "Mereka kini mula

memahami tujuan - tujuan penting bagi bekerjasama dengan sektor swasta seperti keuntungan pengusaha - pengusaha bermakna lebih banyak cukai yang boleh dipungut oleh kerajaan," ujar beliau. Di samping itu, katanya, kakitangan kerajaan mula menyedari bahawa gaji bulanan yang diterima mereka adalah hasil cukai yang dikenakan daripada keuntungan yang diperolehi oleh syarikat - syarikat swasta. Beliau juga berharap syarikat - syarikat swasta memberi sokongan positif kepada kerajaan menerusi dasar - dasar Penswastaan, Persyarikatan Malaysia dan Pandang Ke Timur. Beliau lalu menarik perhatian kepada

penjual - penjual kamera yang seolah - olah hilang keupayaan untuk menjualnya dengan murah walaupun sudah tidak dikenakan cukai. Katanya, para pelancong dan pembeli tempatan masih membeli kamera di Singapura dan penjual tempatan harus bertindak positif dengan menawarkan harga yang lebih murah. "Oleh kerana, keuntungan yang lebih besar sebenarnya menerusi pengaliran masuk wang asing ke negara ini dan wang itu boleh didapati daripada para pelancong luar negeri," jelas Perdana Menteri.,